A

**THANALAKSHMI MUCHAN**

**lwn.**

**ONG KOI SOI**

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
KAMARDIN HASHIM PK
[RAYUAN SIVIL NO: 12-54-2007]
19 MEI 2009

C

***TORT:*** *Ganti rugi - Kemalangan jalanraya - Isu liabiliti - Sama ada simati gagal mematuhi Highway Code - Pelanggaran berlaku daripada arah belakang - Sama ada menunjukkan satu kecuaian - Sama ada keputusan Mahkamah Sesyen atas isu liabiliti tepat dan sah*

D

***TORT:*** *Ganti rugi - Kemalangan jalanraya - Isu kuantum - 'Living expenses' - Sama ada dibuktikan - Sama ada mahkamah mempunyai budibicara membuat potongan sewajarnya bagi 'living expenses' - Sama ada keputusan Mahkamah Sesyen mengenai kuantum kehilangan tanggungan betul*

E

Plaintif membawa tindakan ini bagi pihak dirinya dan tanggungan seorang bernama Loganathan a/l Muniandy (simati) terhadap defendan di bawah s. 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956 untuk menuntut kerugian, kehilangan tanggungan dan untuk gantirugi kesedihan atas kematian suaminya, simati, yang telah meninggal dunia dalam satu kemalangan jalanraya melibatkan kenderaan yang

F

dipandu dan dimiliki oleh defendan. Hakim Mahkamah Sesyen dalam alasan penghakimannya mempercayai dan menerima versi defendan bahawa defendan telah memberikan isyarat untuk membelok masuk ke jalan di sebelah kanan dan telah berhenti di simpang tersebut oleh kerana terdapat banyak kenderaan datang dari

G

arah yang bertentangan. Motokar dalam keadaan berhenti menyerung sedikit bila tiba-tiba motosikal simati dalam keadaan memotong motokar defendan terus melanggar bahagian tayar hadapan sebelah kanan motokar defendan. Hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan defendan bertanggungan 30% dan simati

H

bertanggungan 70% atas kemalangan maut ini. HMS telah mengakses kuantum gantirugi khas termasuk kedukacitaan (bereavement) atas kadar 100% sebanyak RM12,704 dan gantirugi bagi kehilangan tanggungan atas kadar 100% sebanyak RM211,200. HMS juga membenarkan faedah atas kadar yang biasa serta kos

I

kepada plaintif. Tidak puashati atas keputusan HMS tersebut, plaintif merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap keseluruhan keputusan tersebut atas isu liabiliti dan kuantum.

**Diputuskan (menolak rayuan plaintif dengan kos):**

**(1)** Satu fakta yang tidak dipertikaikan sebelum kemalangan ialah motosikal mengikut rapat dari arah belakang motokar defendan dalam jarak 1-2 meter dan bahawa simati telah menunggang motosikalnya di bahagian kanan jalan tersebut sebelum kemalangan. Motosikal sepatutnya menurut Highway Code bahawa hendaklah sentiasa menunggang di sebelah kiri jalan kecuali memotong kenderaan di hadapan. Oleh itu jelas di sini simati telah gagal mematuhi Highway Code semasa menunggang motosikalnya. Walaupun pelangggaran Highway Code bukan menjadi satu kesalahan jenayah menurut s. 68(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ) tetapi dalam tindakan sivil ia boleh menunjukkan satu kecuaian di pihak yang melanggar Highway Code tersebut. (perenggan 3)

**(2)** Fakta penting dalam kemalangan ini adalah perlanggaran berlaku daripada arah belakang. Motosikal simati yang telah melanggar motokar defendan dari arah belakang. Satu fakta yang juga tidak dipertikaikan bahawa motokar defendan bercadang untuk membelok kanan dan motokar defendan sedang bergerak dengan perlahan manakala motosikal simati yang mengekori rapat di belakang motokar defendan telah ditunggang dengan kelajuan yang lebih dari kelajuan motokar defendan. Lain-lain motosikal yang berada di belakang motokar defendan dapat mengelak tetapi tidak simati. Ini jelas menunjukkan bahawa simati telah cuai dalam menunggang motosikalnya di sebelah kanan lorong laluan tersebut serta cuai bila menunggang terlampau dekat dengan motokar defendan. Adalah menjadi undang-undang asas bahawa pemandu dari arah belakang mempunyai beban berjaga-jaga dan perhatian yang lebih tinggi daripada pemandu di hadapan. Keputusan HMS atas isu liabiliti adalah tepat dan betul setelah menimbangkan semua keterangan dan keadaan dalam kes ini. Mahkamah ini bersetuju dan mengesahkan keputusan HMS atas isu liabiliti tersebut. (perenggan 7 & 9)

**(3)** Beralih kepada isu kuantum pula, beberapa kesimpulan dapat dibuat iaitu (i) simati perlu membayar untuk minyak dan pengelenggaran motosikal untuk berulang balik ke tempat kerjanya di Singapura; (ii) simati perlu membayar ansuran bulanan motosikalnya; (iii) simati perlu membayar untuk makanan beliau semasa di tempat kerja; (iv) simati mengambil makanan pada waktu pagi dan malam dan sudah tentu juga mengambil makanan di rumah semasa beliau tidak bekerja; (v) wang RM2,000 sebulan yang diberi kepada plaintif (SP2) telah

digunakan kembali untuk makan minum dan segala kos yang terakru bagi bahagian si mati sendiri seperti api, air, sewaan dan sebagainya. Oleh itu, hujahan plaintif yang mengatakan 'living expenses' tidak dibuktikan adalah tidak benar. Mungkin jumlah sebenar ataupun kuantum tidak dibuktikan secara spesifik tetapi ada cukup keterangan bahawa 'living expenses' telah dibuktikan atau dianggap secara munasabahnya telah dibuktikan secara tidak langsungnya terutama melalui keterangan SP2 sendiri. Oleh yang demikian, walaupun 'living expenses' tidak dibuktikan, namun mahkamah boleh atas pertimbangan dan budibicara membuat potongan sewajarnya bagi 'living expenses'. (perenggan 16 & 18)

**(4)** HMS telah menggunakan pertimbangan beliau serta budibicara untuk membenarkan tolakan bagi 'living expenses' simati dalam kes ini. Keputusan HMS tidak boleh dipersalahkan dan adalah selaras dengan keputusan mahkamah terdahulu mengenai isu tersebut. Keputusan HMS adalah betul dan tidak ada alasan untuk mengganggu keputusan tersebut mengenai kuantum kehilangan tanggungan yang dibenarkan kepada plaintif. (perenggan 20)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Amar Singh v. Chin Kiew [1960] 1 LNS 5* ***(dirujuk)***

*Chang Chong Foo & Anor v. Shivanathan Perumal [1992] 4 CLJ 1939; [1992] 1 CLJ (Rep) 27* ***(dirujuk)***

*Chow Yee Wah & Anor v. Choo Ah Pat [1978] 1 LNS 32* ***(dirujuk)***

*De Cotta v. Tan Hock Lee [1972] 1 LNS 27* ***(dirujuk)***

*Mahmod Kailan v. Goh Seng Choon & Anor [1976] 1 LNS 68* ***(dirujuk)***

*P R Panickar v. Chwee May Kwong & Anor [1957] 1 LNS 52* ***(dirujuk)***

*Samar Mansor v. Mustafa Kamarul Ariffin [1974] 1 LNS 147* ***(dirujuk)***

*Wakil Diri Bagi Harta Pusaka Atas Rosli Md Nor (Simati) & Ors v. TP Saffer & Anor [1998] 4 CLJ 241* ***(dirujuk)***

*White v. London Transport Executive [1982] 1 All ER 410* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Civil Law Act 1956, s. 7

Road Transport Act 1987, s. 68(3)

*Bagi pihak plaintif/perayu - Dato' Kuthubul Zaman Bukhari; T/n Zaman & Assoc*

*Bagi pihak defendan/responden - CY Ong; T/n Ong & Ong*

*Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin*

## PENGHAKIMAN

**Kamardin Hashim PK:**

**[1]** Plaintif membawa tindakan ini bagi pihak dirinya dan tanggungan seorang bernama Loganathan a/l Muniandy (simati) terhadap defendan dibawah s. 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956 untuk menuntut kerugian, kehilangan tanggungan dan untuk gantirugi kesedihan atas kematian simati yang telah meninggal dunia dalam satu kemalangan jalanraya melibatkan motokar No. EF3452T yang dipandu dan dimiliki oleh defendan. Kemalangan jalanraya tersebut berlaku pada 4 Julai 1998 jam lebih kurang 3.45 petang di KM 2 Jalan Skudai, Johor Bahru. Semasa kemalangan tersebut, simati sedang menunggang motosikal No. WCK 9021 dari arah Johor Bahru menuju ke Taman Penggawa Barat, Tampoi apabila sampai ditempat kejadian telah terlibat dalam satu kemalangan dengan motokar yang dipandu oleh defendan. Akibat kemalangan tersebut simati telah meninggal dunia keesokan harinya di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru meninggalkan plaintif sebagai balu serta seorang anak bernama Sethuraman a/l Loganathan, yang waktu itu baru berusia 10 bulan.

**[2]** Di Mahkamah Sesyen, Tuan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) telah memutuskan defendan bertanggungan 30% dan simati bertanggungan 70% atas kemalangan maut ini. Tuan HMS telah mengakses kuantum gantirugi khas termasuk kedukacitaan (bereavement) atas kadar 100% sebanyak RM12,704 dan gantirugi bagi kehilangan tanggungan atas kadar 100% sebanyak RM211,200. Tuan HMS juga membenarkan faedah atas kadar yang biasa serta kos kepada plaintif. Tidak puashati atas keputusan Tuan HMS tersebut, plaintif merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap keseluruhan keputusan tersebut atas isu liabiliti dan kuantum. Rayuan plaintif telah didengar dan ditolak dan sekarang plaintif merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap penolakan tersebut.

**[3]** Seperti kebanyakan kes-kes kemalangan jalanraya, terdapat dua versi mengenai bagaimana kemalangan tersebut telah berlaku iaitu versi plaintif dan versi defendan. Tuan HMS dalam alasan penghakimannya mempercayai dan menerima versi defendan. Secara ringkasnya, versi plaintif adalah bahawa motokar defendan telah dengan tiba-tiba tanpa member isyarat telah membelok kekanan dan simati yang berada dibelakang motokar defendan telah gagal mengelak lalu melanggar bahagian hadapan kanan motokar defendan. Versi defendan pula adalah bahawa defendan telah

memberikan isyarat untuk membelok masuk ke Jalan Thomson dikanan dan telah berhenti disimpang tersebut oleh kerana terdapat banyak kenderaan datang dari arah yang bertentangan. Motokar dalam keadaan berhenti menyerung sedikit bila tiba-tiba motosikal simati dalam keadaan memotong motokar defendan terus melanggar bahagian tayar hadapan sebelah kanan motokar defendan. Tempat perlanggaran di atas jalan arah laluan defendan sendiri yang beliau tandakan ditempat bertanda 'Y' atas rajah kasar. Satu fakta yang tidak dipertikaikan sebelum kemalangan ialah motosikal mengikut rapat dari arah belakang motokar defendan dalam jarak 1-2 meter dan bahawa simati telah menunggang motosikalnya dibahagian kanan jalan tersebut sebelum kemalangan. Motosikal sepatutnya menurut Highway Code bahawa hendaklah sentiasa menunggang disebelah kiri jalan kecuali memotong kenderaan dihadapan. Oleh itu jelas disini simati telah gagal mematuhi Highway Code semasa menunggang motosikalnya. Walaupun pelanggaran Highway Code bukan menjadi satu kesalahan jenayah menurut s. 68(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ), tetapi dalam tindakan sivil ianya boleh menunjukkan satu kecuaian dipihak yang melanggar Highway Code tersebut.

**[4]** Saksi SP1 adalah pegawai penyiasat kes yang telah mengambil alih sisatan daripada Sjn. Talib setelah simati meninggal dunia. SP1 telah pergi ketempat kejadian bersama Sjn Talib pada 5 Julai 1998 untuk memastikan tempat kemalangan tersebut. Dua kenderaan terlibat telah pun dialihkan. Sjn Talib yang telah pergi ketempat kejadian pada hari yang sama kejadian berlaku, telah melukiskan Rajah Kasar dan Kunci tempat kemalangan tersebut di eks. P1 dan P1K. Sebanyak tiga keping gambar juga telah diambil atas arahan Sjn Talib seperti di eks. P2A-C. SP1 telah memeriksa kerosakan dua kenderaan yang terlibat. Kerosakan motokar adalah kemek dibahagian hadapan kanan berhampiran dengan tayar. Kerosakan motosikal adalah pada bahagian hadapan. SP1 memeriksa dua kenderaan di Balai Polis Trafik Johor Bahru. Hasil siasatan menunjukkan dua kenderaan bergerak dalam arah yang sama sebelum kemalangan iaitu dari arah Johor Bahru menuju kearah Skudai. SP1 mengesahkan terdapat dua garisan putus-putus dipersimpangan Jalan Thomson menandakan bahawa kenderaan dari arah Johor Bahru boleh membelok ke kanan untuk masuk ke Jalan Thomson. SP1 juga mengesahkan lorong antara A1-A2 atas Rajah Kasar adalah jalan yang berturap tar yang lebarnya 2.2 meter dan cukup luas untuk kenderaan lepas lalu atas lorong itu. SP1 menyatakan tidak terdapat apa-apa serpihan kaca ditempat kejadian dan beliau tidak pasti tayar hadapan sebelah kanan motokar defendan telah pecah akibat dari perlanggaran tersebut.

**[5]** Saksi SP3 adalah saksi mata. Beliau menyatakan telah menyaksikan kemalangan tersebut. Menurut SP3, beliau bekerja sebagai pemandu teksi pada hari itu dan pada jam lebihkurang 3.45 petang beliau sedang memandu di atas Jalan Skudai tanpa membawa penumpang. SP3 telah menyatakan dia telah menyaksikan satu kemalangan dipersimpangan Jalan Thomson. SP3 dalam arah yang bertentangan dengan arah laluan motokar defendan dan motosikal simati. SP3 menyatakan dalam jarak 10-20 meter dia Nampak sebuah motokar jenis Mitsubishi Lancer dengan nombor pendaftaran Singapura telah membelok kekanan tanpa memasang lampu isyarat. Salah sebuah motosikal yang berada dibelakang motokar tersebut telah melanggar bahagian hadapan motokar tersebut. SP3 juga mengatakan motosikal simati adalah yang paling hampir mengekori motokar tersebut manakala lain-lain motosikal yang berada agak jauh telah dapat mengelak dari melanggar motokar tersebut. SP3 melihat penunggang motosikal telah jatuh kesebelah kanan jalan dan berguling 3-4 kali dihadapan teksi beliau. SP3 menggangarkan kelajuan motokar ketika itu lebihkurang 30KMJ manakala kelajuan motosikal sekitar 50KMJ. Melihat kejadian tersebut, SP3 telah turun memberikan bantuan kepada mangsa kemalangan itu dan dengan bantuan pemandu motokar (defendan), SP3 telah menghantar mangsa ke Hospital Sultanah Aminah dan defendan mengekori teksi SP3 dari belakang. Semasa disoal balas, SP3 menyatakan bahawa motokar defendan membelok dengan perlahan oleh itu tidak berlaku perlanggaran dengan teksi beliau walaupun jarak ketika motokar defendan membelok dengan teksi beliau hanya 10-15 meter. SP3 juga mengatakan beliau memandu dengan perlahan dan boleh nampak dengan jelas kemalangan tersebut tetapi tidak pasti bahagian mana motokar defendan yang dilanggar oleh motosikal simati. SP3 tidak membuat laporan polis walaupun telah menyaksikan kemalangan tersebut atas alasan kemalangan itu tidak melibatkan kenderaan beliau. SP3 telah menandakan 'X' atas rajah kasar pihak polis sebagai tempat pertembungan dua kenderaan yang terlibat dalam kemalangan ini. SP3 menyatakan bahawa motokar defendan langsung tidak berhenti sebelum membelok kekanan dan motosikal simati sememangnya mengekori terlalu rapat dibelakang motokar defendan.

**[6]** Defendan dalam keterangannya tidak menafikan telah terlibat dalam kemalangan ini. Beliau menyatakan pada hari tersebut dia dalam perjalanan dari Singapura untuk pergi ke Taman Tasek iaitu dari arah bawah ke atas dalam rajah kasar. Apabila sampai di simpang Jalan Thomson, beliau mengambil keputusan untuk masuk ke Jalan Thomson oleh kerana tidak ada banyak kenderaan di atas

jalan tersebut. Defendan menyatakan seterusnya beliau memberi signal untuk membelok ke kanan sebelum sampai ke simpang itu. Oleh kerana terdapat banyak kenderaan yang datang dari arah yang bertentangan, defendan menyatakan beliau telah berhenti disimpang itu. Defendan kata motokarnya berhenti dalan keadaan menyerong sedikit dan sedikit bahagian hadapan motokarnya telah memasuki ke laluan yang bertentangan. Defendan menyatakan semasa motokarnya dalam keadaan berhenti disana, dengan tiba-tiba sebuah motosikal yang datang dari arah belakang motokarnya telah melanggar bahagian hadapan sebelah kanan motokar beliau. Defendan telah menandakan tempat perlanggaran itu di tanda 'Y' diatas rajah kasar. Tanda 'Y' yang dibuat oleh defendan berada di atas laluan sah beliau iaitu dibahagian sebelah kanan lorong bertanda A1-A2. Defendan tidak bersetuju kemalangan itu berlaku ditanda 'X' yang dikatakan oleh SP3. Dalam soal balas, defendan tidak setuju kemalangan berlaku sewaktu beliau sedang membelok ke kanan dan tidak setuju beliau tidak memberikan signal untuk membelok kanan. Defendan juga tidak setuju dia terus membelok kanan tanpa berhenti ditengah jalan. Defendan menyatakan semasa disoal semula bahawa memang terdapat sebuah teksi dari arah bertentangan dalam jarak yang agak jauh dan terdapat beberapa kenderaan lain dihadapan motor teksi tersebut.

**[7]** Fakta penting dalam kemalangan ini adalah perlanggaran berlaku daripada arah belakang. Motosikal simati yang telah melanggar motokar defendan dari arah belakang. Satu fakta yang juga tidak dipertikaikan bahawa motokar defendan bercadang untuk membelok kanan ke Jalan Thomson dan motokar defendan sedang bergerak dengan perlahan manakala motosikal simati yang mengekori rapat dibelakang motokar defendan telah ditunggang dengan kelajuan yang lebih dari kelajuan motokar defendan. Persoalannya kenapa motosikal simati dipandu dengan laju bila menghampiri simpang itu dan kenapa motosikal simati ditunggang dibahagian kanan lorong tersebut sedangkan mengikut Highway Code motosikal hendaklah sentiasa ditunggang disebelah kiri jalan kecuali memotong. Kemungkinannya disini motosikal simati sedang cuba untuk memotong motokar defendan yang dipandu perlahan serta jarak yang terlalu dekat dibelakang motokar defendan menyebabkan simati gagal mengelakkan kemalangan ini. Lain-lain motosikal yang berada dibelakang motokar defendan dapat mengelak tetapi tidak simati. Ini jelas menunjukkan bahawa simati telah cuai dalam menunggang motosikalnya disebelah kanan lorong laluan tersebut serta cuai bila menunggang terlampau dekat dengan motokar defendan. Adalah menjadi undang-undang asas bahawa pemandu dari arah belakang

mempunyai beban berjaga-jaga dan perhatian yang lebih tinggi daripada pemandu dihadapan. Simati telah gagal memberikan perhatian kepada motokar defendan dihadapan beliau serta gagal mengelakkan kemalangan atas faktor-faktor kecuaian yang dinyatakan tersebut. Telah di putuskan dalam kes *De Cotta v. Tan Hock Lee* [1972] 1 LNS 27 bahawa "there was a duty on drivers following a leading car to drive in such a fashion so as to avoid accidents arising out of exigencies of the leading car ... the duty was a continuing duty which exists independently of negligence of the leading driver."

**[8]** Tuan HMS telah memutuskan atas pertimbangan kebarangkalian bahawa kemalangan tersebut disebabkan sebahagian besarnya kerana kecuaian simati dan Tuan HMS mempercayai versi defendan. Tuan HMS sebaliknya meragui versi plaintif yang diberikan melalui keterangan SP3 ini kerana tempat perlanggaran di 'Y' adalah lebih munasabah dari di 'X' yang dikatakan oleh SP3. Keraguan juga timbul sama ada SP3 telah melihat dengan jelas kemalangan ini oleh kerana beliau bergerak dalam arah yang bertentangan serta terdapat kenderaan-kenderaan lain dihadapan SP3 bergerak dalam arah yang sama. Tuan HMS telah menerima keterangan bahawa kerosakan motokar defendan dibahagian hadapan sebelah kanan sebagai bukti menunjukkan bahawa simati telah makan jalan sebelah kanan untuk memotong motokar defendan. Tuan HMS juga mendapati kecuaian sumbangan oleh defendan dalam kes ini apabila beliau berhenti disana dalam keadaan motokar defendan melepasi garisan kembar ditengah jalan. Tuan HMS telah membahagikan liabiliti 30% terhadap defendan dan 70% terhadap simati.

**[9]** Saya berpendapat keputusan Tuan HMS atas isu liabiliti adalah tepat dan betul setelah menimbangkan semua keterangan dan keadaan dalam kes ini. Mahkamah ini bersetuju dan mengesahkan keputusan Tuan HMS atas isu liabiliti tersebut. Keputusan Tuan HMS antara lain melibatkan pertimbangan terhadap kredibiliti saksi utama plaintif, SP3. Tuan HMS memutuskan saksi SP3 bukanlah saksi yang kredibel dan tidak boleh dipercayai sepenuhnya. Mahkamah rayuan harus memberikan pertimbangan kepada prinsip-prinsip yang telah diputuskan dalam kes *Chow Yee Wah & Anor v. Choo Ah Pat* [1978] 1 LNS 32, keputusan Privy Council, seperti berikut:

> The second case from which it is appropriate to quote is *Powell and Wife v. Streatham Manor Nursing Home* [1935] AC 243, 249 where Viscount Sankey LC said this:

A What then should be the attitude of the Court of Appeal towards the judgment arrived at in the Court below under such circumstances as the present? It is perfectly true that an appeal is by way of rehearing but it must not be forgotten that the Court of Appeal does not rehear the witnesses. It only reads the evidence and rehears the counsel. Neither is it a reseeing court. B The are different meanings to be attached to the word 'rehearing'. For example, the rehearing at Quarter Sessions is a perfect rehearing because, although it may be the defendant who is appealing, the complainant starts again and has to make out his case and call his witnesses. The matter is rather different in the case of an appeal to the Court of Appeal. There the onus is C upon the appellant to satisfy the court that his appeal should be allowed. There have been a very large number of cases in which the law on this subject has been canvassed and laid down. There is a difference between the manner in which the Court of Appeal deals with a judgment after a trial before a judge alone and a verdict after a trial before a judge and jury. On an appeal D against judgment of a judge sitting alone, the Court of Appeal will not set aside the judgment unless the appellant satisfies the court that the judge was wrong and that his decision ought to have been the other way. Where there has been a conflict of evidence the Court of Appeal will have special regard to the fact E that the judge saw the witnesses: see *Clarke v. Edinburgh Tramways Co* 1919 SC (HL) 35,36 where he says:

When a judge hears and sees witnesses and makes a conclusion or inference with regard to what on balance is the weight of their evidence, that judgment is entitled to great respect, and F that quite irrespective of whether the judge makes any observations with regard to the credibility or not. I can of course quite understood a Court of Appeal that says that it will not interfere in a case in which the judge has announced as a part of his judgment that he believes one set of witnesses, having seen them and heard them, and does not believe another. But G that is not the ordinary case of a cause in a court of justice. In courts of justice in the ordinary case things are much more evenly divided; witnesses without any conscious bias towards a conclusion may have in their demeanour, in their manner, in their hesitation, in the nuance of their expressions, in even the turns of the eyelid, left an impression upon the man who saw H and heard them which can never be reproduced in the printed page. What in such circumstances, thus psychologically put, is the duty of an appellate court? In my opinion, the duty of an appellate court in those circumstances is for each judge of it to put himself, as I now do in this case, the question, Am I-who sit here without those advantages, sometimes broad and I sometimes subtle, which are the privilege of the judge who heard and tried the case-in a position, not having those privileges, to

> come to a clear conclusion that the judge who had them was plainly wrong? If I cannot be satisfied in my own mind that the judge with those privileges was plainly wrong, then it appears to me to be my duty to defer to his judgment.

**[10]** Mahkamah juga telah merujuk kepada kes *Samar binte Mansor v. Mustafa Kamarul Ariffin* [1974] 1 LNS 147 dimana diputuskan:

> It is axiomatic that a finding of negligence though involving matters of inference, is properly regarded as a finding of fact. For an appellant to succeed in an appeal against a finding of fact made by a single judge, he must convince the appellate court that the learned judge was wrong in his conclusion. That the appeal may be by way of re-hearing does not alter the situation. A hearing is not, however, a retrial of the issues. The question is not whether an appellate court can substitute its view of the facts which of course it is empowered to do so, but whether it should do so. However much an appellate court may be in equal position with the trial judge as to the drawing of inferences, it ought not to reverse the finding of fact unless it is convinced that it is wrong. It is not whether the inferences are right but whether an appellate court in convinced that they are wrong. If that finding is a view reasonably open on the evidence, it is not enough to warrant its reversal just because an appellate court would have come to a different view. Merely differing views do not establish that either view is wrong, but in balancing these two views an appellate court should give due weight to the nature of the fact as found by the trial judge. Thus *Benmax v. Austin Motor Co Ltd* (1955) AC 370, 376 is authority for the proposition that an appellate court is not bound by inferences of fact drawn by the trial judge which did not turn on the credibility of witnesses, seen and heard by him, that it may not examine the matter afresh.

**[11]** Sekarang saya beralih kepada isu kuantum. Plaintif merupakan isteri kepada simati. Dalam keterangan beliau (SP2) menyatakan bahawa suaminya bekerja di Singapura dengan memperoleh pendapatan sebanyak S$1,500 sebulan. SP2 menyatakan suaminya memberikan kepada beliau sebanyak RM2,000 setiap bulan untuk perbelanjaan keluarga. SP2 sendiri tidak bekerja pada waktu itu. SP2 menggunakan wang RM2,000 tersebut untuk membayar sewa rumah, membayar bil letrik, bil air, bil telefon, untuk makanan dan perbelanjaan perubatan. SP2 menyatakan satu minggu sebelum kemalangan suami beliau baru mula bekerja ditempat baru iaitu dengan syarikat Container Printers Pte Ltd. SP2 tidak tahu berapa pendapatan suaminya dengan syarikat tersebut tetapi beliau tahu suaminya pindah kerja ketempat baru kerana diberitahu akan mendapat gaji yang lebih lumayan. SP2 telah dimaklumkan oleh majikan suaminya yang baru bahawa gaji suaminya untuk tujuh hari

bekerja sebelum kemalangan adalah S$309, dan gaji tersebut telah diterima oleh SP2. SP2 telah mengemukakan 'work permit' suaminya sebagai eks. P3 dan salinan slip gaji suami beliau sebagai eks. P4.

**[12]** SP2 tahu suaminya berpendapatan S$1,500 sebulan melalui slip gaji suaminya. SP2 menyatakan suaminya pergi kerja di Singapura dengan menaiki motosikal. Suaminya masih membayar ansuran bulanan untuk motosikal tersebut tetapi tidak tahu berapa jumlah bayarannya sebulan. SP2 menegaskan suaminya tidak pernah member wang kurang daripada RM2,000 pada setiap bulan. Bagi kehilangan tanggungan, peguam defendan berhujah jumlah S$1,000 sebagai pendapatan kasar simati sebagai munasabah dan setelah menolak kos sara hidup (living expenses) simati yang berulangalik kerja di Singapura yang dianggarkan sebanyak S$300 termasuk untuk bayaran ansuran motosikal, meninggalkan jumlah S$700. Peguam defendan berhujah kehilangan tanggungan pada kadar S$300. (RM660) sebulan sebagai munasabah. Jumlah kehilangan tanggungan seperti dihujahkan oleh peguam defendan adalah berjumlah RM126,720. Peguam plaintif berhujah kehilangan pendapatan pada kadar RM2,000 sebulan untuk 16 tahun (simati berumur 27 tahun ketika itu) menjadikan jumlah kehilangan tanggungan sebanyak RM384,000. Peguam plaintif berhujah tidak sepatutnya mahkamah menolak 'living expenses' oleh kerana perkara tersebut tidak pernah diakui atau dibuktikan. Walaubagaimana pun peguam plaintif mengakui simati telah mengambil makanan pagi dan makan malam dirumah yang disediakan oleh plaintif. Peguam plaintif telah merujuk kepada keputusan dalam kes *Chang Chong Foo & Anor v. Shivanathan Perumal* [1992] 4 CLJ 1939; [1992] 1 CLJ (Rep) 27 di mana telah diputuskan bahawa tolakan untuk 'living expenses' tidak boleh dibuat kecuali jika ianya diakui atau dibuktikan. Oleh kerana dalam kes kita tiada bukti dan tidak ada diakui jumlah untuk 'living expenses' maka tidak wajar tolakan dibuat untuk 'living expenses' simati.

**[13]** Tuan HMS dalam keputusannya membuat dapatan fakta bahawa walaupun gaji simati sebanyak S$1,189.18 sebulan tetapi gaji bersih selepas tolakan adalah S$777.20 sebulan. Dapatan ini berdasarkan surat majikan yang dikemukakan ke mahkamah. Saksi majikan langsung tidak dipanggil untuk memberikan keterangan. Termasuk elaun lebih masa dan lain-lain elaun, Tuan HMS telah menerima pendapatan bersih simati adalah sebanyak S$800 sebulan dan Tuan HMS telah membenarkan tolakan untuk 'living expenses'

sebanyak S$300 sebulan. Tolakan ini adalah untuk minyak motosikal, makan tengahari dan bayaran ansuran motosikal simati. Tuan HMS telah membenarkan kehilangan tanggungan pada kadar S$500 sebulan untuk 16 tahun berjumlah S$96,000 atau bersamaan RM211,200.

**[14]** Dalam kes *Mahmod bin Kailan v. Goh Seng Choon & Anor* [1976] 1 LNS 68, Suffian LP telah memutuskan seperti berikut:

> The principle upon which we can interfere with the award has been stated by Lord Wright in *Davies v. Powell Duffryn Associated Collieries Ltd* [1942] AC 601, 616, 617 as follows:
>
> > Where the award is that of the judge alone, the appeal is by way of rehearing on damages as on all other issues, but as there is generally so much room for individual choice so that the assessment of damages is more like an exercise of discretion than an ordinary act of decision, the appellate court is particularly slow to reverse the trial judge on a question of the amount of damages. It is difficult to lay down any precise rule which will cover all cases, but a good general guide is given by Greer LJ in *Flint v. Lovell*. In effect the court, before it interferes with an award of damages, should be satisfied that the judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for these other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered. It is not enough that there is a balance of opinion or preference. The scale must go down heavily against the figure attacked if the appellate court is to interfere whether on the ground of excess or insufficiency.

**[15]** Persoalan seterusnya adalah sama ada keputusan Tuan HMS membuat tolakan untuk 'living expenses' boleh dibenarkan dalam keadaan kes ini. Tidak dinafikan bahawa ada keterangan sama ada melalui pemeriksaan utama mahupun melalui soal balas bahawa SP2 ada menyatakan perkara-perkara berikut:

(a) Simati bekerja di Singapura dengan mengunakan motosikal untuk pergi dan balik kerja;

(b) Simati masih membuat bayaran untuk ansuran bulanan motosikalnya, tetapi SP3 tidak tahu berapa bayaran ansuran bulanan tersebut;

(c) bahawa simati hanya makan pagi dan makan malam dirumah.

**[16]** Dari fakta-fakta tersebut diatas, beberapa kesimpulan dapat dibuat iaitu pertamanya simati perlu membayar untuk minyak dan penyelenggaran motosikal beliau untuk berulang alik ketempat

kerjanya di Singapura. Walaupun jumlahnya tidak diketahui namun kos ini tetap terpaksa ditanggung oleh simati. Simati juga perlu membayar ansuran bulanan motosikalnya diakui sendiri oleh SP2 walaupun jumlahnya tidak diketahui. Seterusnya boleh juga dibuat kesimpulan bahawa simati perlu membayar untuk makanan beliau semasa ditempat kerja. Sementara itu juga simati mengambil makanan pada waktu pagi dan malam dan sudah tentu juga mengambil makanan dirumah semasa beliau tidak bekerja . Maka wang yang dikatakan telah diberikan kepada SP2 telah juga digunakan kembali untuk makan minum dan segala kos yang terakru bagi bahagian simati sendiri seperti api, air, sewaan dan sebagainya. Oleh itu hujahan peguam plaintif yang mengatakan 'living expenses' tidak dibuktikan adalah tidak benar. Ya mungkin jumlah sebenar ataupun kuantum tidak dibuktikan secara spesifik tetapi ada cukup keterangan bahawa 'living expenses' telah dibuktikan atau dianggap secara munasabahnya telah dibuktikan secara tidak langsungnya terutama melalui keterangan SP2 sendiri.

**[17]** YA Abdul Malik Ishak H (ketika itu) telah memutuskan tidak membenarkan tolakan untuk 'living expenses' didalam kes *Wakil Diri Bagi Harta Pusaka Atas Rosli Md Nor (Simati) & Ors v. TP Saffer & Anor* [1998] 4 CLJ 241 sekiranya tidak diakui atau tidak dibuktikan oleh defendan, dimana YA menyatakan seperti berikut:

> This brings me to the next issue of whether living expenses may be deducted when it was not proved or admitted. Section 7(3)(iv)(c) of the Civil Law Act 1956 (Act 67) enacts that "the court shall take into account any diminution of any such amount as aforesaid by such sum as is proved or admitted to be the living expenses of the person deceased at the time of his death." In *Abdul Ghani bin Hamid v. Abdul Nasir bin Abdul Jabbar & Anor* [1995] 4 CLJ 317, I did say at p. 336 to p. 337 of the judgment the following:
>
> > It is only logical that some part of the plaintiff's earnings must have been devoted to his own maintenance. But no matter how logical it may appear to be, it can only be deducted if the amount is either admitted by the plaintiff or proved by the defendant. Here, there is no admission by the plaintiff nor proved by the defendants and therefore no deduction would be made from the plaintiff's income (*Marappan a/l Koundar v. Siti Rahmah binti Ibrahim* [1990] 1 CLJ 32).

**[18]** Walaupun dalam kes tersebut YA Abdul Malik Ishak H (ketika itu) mengatakan tolakan tidak boleh dibuat jika tidak diakui atau tidak dibuktikan oleh defendan, namun YA tersebut tidak mengubah keputusan HMS yang telah membuat tolakan 'living expenses' walaupun tidak dibuktikan. Oleh yang demikian, pada

pandangan mahkamah ini bahawa walaupun 'living expenses' tidak dibuktikan, namun mahkamah boleh atas pertimbangan dan budibicara membuat potongan sewajarnya bagi 'living expenses'. Pandangan ini dikuatkan lagi oleh keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *P.R. Panickar v. Chwee May Kwong & Anor* [1957] 1 LNS 52 dimana walaupun tiada bukti secara spesifik tentang kos sara hidup simati sendiri tetapi mahkamah telah membenarkan satu tolakan untuk 'living expenses'. Satu 'estimate' telah dibuat bagi kos sara hidup simati walaupun tiada bukti mengenainya (lihat juga kes *Amar Singh v. Chin Kiew* [1960] 1 LNS 5).

**[19]** Perkara yang terjumlah kedalam perkataan 'living expenses' ini sangat luas dan tanpa penghujungnya. Dalam kes *White v. London Transport Executive* [1982] 1 All ER 410, Webster J telah menyatakan berikut:

> … in the cost of maintaining himself I include the cost of his housing, heating, food, clothing, necessary travelling and insurances and things of that kind …

**[20]** Mahkamah ini berpuashati bahawa Tuan HMS telah menggunakan pertimbangan beliau serta budibicara untuk membenarkan tolakan bagi 'living expenses' simati dalam kes ini. Keputusan Tuan HMS ini tidak boleh dipersalahkan dan adalah selaras dengan keputusan mahkamah terdahulu mengenai isu tersebut. Setelah meneliti rekod rayuan saya berpuashati bahawa keputusan Tuan HMS adalah betul dan tidak ada alasan untuk mengganggu keputusan tersebut mengenai kuantum kehilangan tanggungan yang dibenarkan kepada plaintif.

**[21]** Atas alasan-alasan yang dinyatakan diatas, saya menolak rayuan plaintif dengan kos.